

**Malaysia - New Zealand perkukuh kerjasama menentang aktiviti keganasan
Astro Awani
27 Mac 2019
Harits Asyraf Hasnan,**

KUALA LUMPUR: Kerajaan Malaysia dan New Zealand bersepakat untuk mengukuhkan kerjasama dua hala dalam menentang aktiviti keganasan pasca tragedi Christchurch yang mengorbankan 50 individu termasuk seorang remaja warga Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail akui kedua-dua negara turut bersetuju mengukuhkan kerjasama pelbagai bidang yang telah terjalin sekian lama.

Menerusi pertemuan lebih 30 minit dengan rakan sejawatnya dari New Zealand, Winston Peters, Dr Wan Azizah turut menzahirkan ucapan takziah kepada Kerajaan negara itu atas tragedi yang menimpa.

“Kerajaan Malaysia kekal bersama-sama dengan Kerajaan New Zealand dalam waktu sukar sebegini.

“Saya juga merakamkan penghargaan kepada Kerajaan New Zealand atas segala bantuan kepada rakyat Malaysia yang menjadi mangsa.

“Dalam perkara ini, Peters dan saya turut bersetuju untuk mengukuhkan kerjasama dua hala dalam mengekang penganas,” katanya dalam sidang media bersama di Parlimen hari ini.

Dalam pertemuan dipejabatnya, Peters yang juga Menteri Luar New Zealand turut berkongsi pandangan berkenaan meningkatkan kerjasama perdagangan, pelaburan, pendidikan, pelancongan dan hubungan antara rakyat.

Dalam insiden 15 Mac lalu, seorang remaja Malaysia terbunuh, manakala tiga lagi rakyat Malaysia cedera yang turut mengakibatkan 50 orang terbunuh dan 42 orang cedera.

© 2019 Astro Awani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-new-zealand-perkukuh-kerjasama-menentang-aktiviti-keganasan-202309>